



2 suspek seret penyampai berita kena tahan

8 Mei 2022



Khairul Rizuan selepas berjaya menyelamatkan diri.

(Foto Ihsan TikTok Janna Nick)

2 suspek seret penyampai berita kena tahan

Kuala Lumpur: Polis menahan dua individu bagi membantu siasatan kes penyampai berita, Khairul Rizuan Azizan yang cedera diseret ketika cuba mengelar penjenayah yang memecah tingkap keretanya, di Damansara Perdana, kelmarin.

Timbalan Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Superintendan Ku Mashariman Ku Mahmood, berkata suspek lelaki dan wanita masing-masing berusia 31 dan 24 tahun itu ditahan di Puncak Alam, Selangor.

Katanya, polis juga mengesan barang kes dipercayai hasil kejadian samun itu, termasuk kereta yang digunakan suspek warga tempatan berkenaan dalam jenayah berkenaan.

"Semakan mendapati suspek lelaki mempunyai empat rekod penyalahgunaan dadah, 15 rekod jenayah dan dua rekod masih disenarai hitam bagi kes penyalahgunaan dadah.

"Suspek wanita pula tidak mempunyai rekod jenayah lalu,"

katanya dalam satu kenyataan kelmarin.

Media melaporkan, dalam kejadian kira-kira jam 3.40 petang itu, Khairul Rizuan, 34, luka di tangan, jari kanan serta lutut kanan akibat diseret kereta dipandu suspek yang melarikan diri.

Ketika kejadian, mangsa melatak kereta miliknya di tepi jalan untuk ke sebuah kedai serbaneka.

Kejadian itu turut tular di media sosial selepas pelakon dan penyanyi popular, Janna Nick, yang secara kebetulan melalui lokasi kejadian memuat naik rakaman kamera paparan pemuka di akaun Instagram dan TikTok miliknya.

Ku Mashariman berkata, kedua-dua suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Petaling Jaya semalam untuk permohonan reman dan kes disiasat mengikut Seksyen 394 Kanun Keseksaan kerana melakukan samun hingga mendatangkan kecederaan.



Ku Mashariman Ku Mahmood